


Orang Asli dan Biodiversiti di Malaysia

written by Saarani Vengadesen | 07/08/2022

Malaysia mempunyai 18 suku kaum orang asli yang dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu [Senoi](#), [Melayu-Proto](#) dan [Negrito](#). Empat aspek utama yang membezakan satu suku kaum orang asli dengan yang lainnya ialah sosio-budaya, kepercayaan, rupa bentuk fizikal dan bahasa pertuturan.

Orang asli merupakan masyarakat minoriti yang mempunyai hubungan yang sangat erat dengan alam semula jadi. Mereka mampu memanfaatkan [kepelbagaian biodiversiti](#) dalam kehidupan seharian mereka dan pada masa sama berusaha mengelakkan [kepupusan](#) spesis flora dan fauna.



Carta menunjukkan 18 suku kaum Orang Asli yang terdapat di Malaysia.

Sumber : Jabatan Kemajuan Orang Asli ([JAKOA](#))

Antara faktor yang mendorong orang asli sentiasa cakna terhadap pemeliharaan biodiversiti ialah pegangan hidup mereka kepada kepercayaan [animisme](#). Animisme ini dikatakan berasal daripada perkataan Latin “anima” yang membawa maksud kehidupan, jiwa dan roh. Animisme ialah kepercayaan bahawa setiap organisma yang terdapat di muka bumi ini mempunyai roh atau semangat yang patut dihormati. Oleh itu, sekiranya masyarakat orang asli memusnahkan alam sekitar serta flora dan fauna di dalamnya, mereka percaya bahawa Tuhan akan menurunkan malapetaka atau ketulahan kepada mereka sepanjang hayat.

Kehidupan orang asli dengan biodiversiti sememangnya tidak dapat dipisahkan. Hal ini kerana biodiversiti memberikan pelbagai manfaat dalam kehidupan seharian serta pembekal utama sumber makanan dalam kalangan masyarakat orang asli. Sehingga kini, masyarakat orang asli masih mengamalkan aktiviti kelangsungan hidup yang bergantung kepada sumber asli seperti memburu, menyempit dan memasang jerat bagi menangkap haiwan liar seperti babi hutan, monyet, kancil dan lain-lain haiwan untuk dijadikan sumber makanan.



Penggunaan sumpit oleh masyarakat orang asli suku Semai di Perak untuk memburu haiwan liar.

Namun begitu, aktiviti pemburuan ini tidak mencetuskan sebarang kepupusan terhadap hidupan liar. Hal ini kerana, aktiviti pemburuan ini hanya dilakukan apabila sesuatu upacara kepercayaan yang memerlukan hidangan haiwan tertentu disajikan.

Sumber makanan seperti [ulam-ulaman](#), buah-buahan serta sayur-sayuran juga diperolehi menerusi sumber hutan, malah mereka juga pakar dalam mengenali pelbagai jenis tumbuhan herba, pucuk daun, akar kayu dan kulit kayu yang digunakan dalam perubatan tradisional untuk merawat penyakit. Pengetahuan terhadap khasiat dan fungsi tumbuhan membekalkan mereka ilmu pengetahuan dalam merawat penyakit dalam kalangan mereka.

Contoh spesis buah-buahan yang boleh didapati dari dalam hutan:



Bedil lalat ([Diospyros argentea](#))



Setambun merah ([Baccaurea parviflora](#))

Satu penyelidikan telah dijalankan oleh beberapa penyelidik daripada Universiti Malaya pada tahun 2012 untuk mengkaji penggunaan tumbuhan dalam perubatan tradisional orang asli suku Semai di Perak ([sumber](#)). Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa, pokok dukung anak ([Phyllanthus urinaria](#)) sangat berkesan untuk merawat demam kuning.

Penyelidikan selanjutnya pada 2018 yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang terdiri daripada Nurul Ayuni, M.N., Faridah, Q.Z., Anisa, S.A., Rosimah, N., Norhidayah, M.H. dan Shamsul, K. ([sumber](#)) menerusi kunjungan ke petempatan orang asli suku Jahai di Royal Belum, Perak merungkai khasiat akar pokok hempedu beruang ([Thottea grandiflora](#)) yang boleh mengubat penyakit lelah dengan meminum air rebusan tersebut.

Namun begitu, pemilihan herba untuk merawat penyakit ini turut dipengaruhi oleh kepercayaan serta pantang larang yang diwarisi daripada nenek moyang terdahulu untuk memastikan penyakit itu dapat disembuhkan.



Pokok dukung anak
([Phyllanthus urinaria](#))
Sumber: Discover Life



Pokok hempedu beruang
([Thottea grandiflora](#))
[Sumber](#)

Orang asli turut mempunyai kemahiran seni yang diwarisi dari zaman nenek moyang. Dedaun serta pucuk-pucuk tumbuhan digunakan untuk membuat aksesori atau perhiasan semasa majlis keramaian. Sebagai contoh, semasa melakukan [tarian Sewang](#), para penari akan menghiasi diri mereka dengan selempang dan setanjak yang dianyam daripada daun kelapa dan dililitkan di kepala, pinggang atau dada. Persembahan Sewang ini kemudiannya diiringi persembahan dengan alunan irama buluh cehtong yang mempunyai corak ukiran yang menarik dan berbunyi merdu.

Selain itu penggunaan kulit kayu juga dijadikan sebagai busana pengantin semasa majlis perkahwinan dan pelamin dihiasi oleh elemen alam sekitar yang dianyam dengan kemas suatu masa dahulu.



Beberapa barangan kraftangan warisan seni turun-temurun masyarakat Orang Asli yang dihasilkan daripada sumber alam.

Orang asli amat bergantung kepada alam semulajadi dalam menjalani kehidupan seharian mereka. Oleh itu, usaha mengekalkan atau setidak-tidaknya mewartakan lingkungan kehidupan mereka ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Kitaran kehidupan mereka sebenarnya menstabilkan biodiversiti negara. Ini kerana aktiviti yang dilakukan mereka sangat berkait rapat dengan kepercayaan mereka terhadap alam. Langkah segera dan berterusan perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah biodiversiti Malaysia. Ini kerana saat ini menghadapi tekanan kemerosotan sumber akibat penebangan hutan, pembukaan kawasan pembangunan baharu, pencerobohan dan pemburuan haram. Ini telah meletakkan Malaysia antara negara yang dikategorikan sebagai titik panas kepelbagaian biologi ([biodiversity hotspot](#)).

Sehubungan itu, orang asli dilihat antara faktor utama dalam menyeimbangkan biodiversiti di Malaysia. Kegiatan hidup dan kemahiran mereka berkomunikasi dengan alam merupakan aset berharga kepada mana-mana organisasi atau agensi berkaitan dengan pemuliharaan biodiversiti.

Kesimpulannya, kehidupan masyarakat orang asli dan alam belantara adalah saling bergantung satu sama lain, seterusnya membentuk hubungan mutualisme. Ini kerana, kemegahan biodiversiti di negara ini telah menyumbang banyak kepentingan dalam kehidupan seharian masyarakat orang asli, pada masa yang sama golongan minoriti ini sentiasa berusaha untuk mempertahankan keunikan biodiversiti dan alam semulajadi. Oleh hal yang demikian, pihak berkuasa perlulah berusaha mencari langkah untuk mengatasi masalah berkaitan alam sekitar. Aktiviti pembalakan haram serta pembukaan tanah berleluasa perlu dibendung dengan segera agar kemusnahan flora dan kepupusan fauna dapat dielakkan bak kata pepatah "Mencegah lebih baik dari mengubati".